

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN
MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 33

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan bagi mengurangkan kebergantungan industri terhadap pekerja asing khususnya dalam sektor pertanian dan pembinaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa proaktif dalam mengambil langkah mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing serta memberi keutamaan kepada pencari kerja tempatan dalam pasaran pekerjaan negara. Berbalik kepada soalan Yang Berhormat, antara inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan oleh Kerajaan secara menyeluruh untuk mengurangkan pekerja asing khususnya di sektor pertanian dan pembinaan adalah seperti berikut:

- (a) hanya majikan berkeupayaan (*genuine*) dan mematuhi standard perburuhan seperti pematuhan gaji minimum, menyediakan kemudahan kediaman beserta kemudahan asas dan tiada rekod pelanggaran kes buruh sahaja

SOALAN NO: 33

dipertimbangkan memohon pekerja asing. Keupayaan majikan ditentukan melalui proses saringan dan pemeriksaan JTK;

(b) menetapkan *ratio* pekerja warganegara dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia;

(c) akan melaksanakan kadar baharu bayaran levi secara progresif mengikut bilangan pekerja asing yang diperlukan oleh majikan dijangka pada tahun 2020. Pelaksanaan mekanisme ini akan mengurangkan kebergantungan industri terhadap pekerja asing ekoran daripada kos pengambilan pekerja asing yang tinggi. Selain itu, pelaksanaan mekanisme ini juga secara langsung akan menggalakkan peralihan industri ke arah mekanisasi dan automasi; dan

(d) pembiayaan latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran pekerja terutamanya dalam sektor pembuatan, pembinaan dan perlombongan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, Kerajaan juga melalui Kementerian berkaitan di bawah sektor pembinaan dan pertanian juga mempunyai inisiatif khusus dan spesifik ke arah mengurangkan kebergantungan ini melalui langkah-langkah *exit policy* seperti pelaksanaan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara, memberi keutamaan kepada mekanisme *Industrialised Building System* (IBS) dalam sektor pembinaan, peralihan kepada intensif automasi dan mekanisasi, pelaksanaan *MyGaps* iaitu amalan praktis ladang baik di Malaysia.